

**KHUTBAH JUMAAT**  
**“ALUR AIR DALAM KOMUNITI”**  
**(29 September 2023M/ 13 Rabiulawal 1445H)**

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي  
لَهُ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin kita ke jalan yang benar, memenuhi jiwa kita dengan kebaikan dan rahmah, memandu kita ke arah kesejahteraan dan keamanan, menjadikan kita insan yang sempurna, tenang dan berjaya di dunia dan di akhirat. Takwa dan iman juga akan menghakis perasaan yang buruk dalam hati kita dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang. Justeru, bersempena dengan hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang

terbaik, yang dibangkitkan untuk menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membincangkan secara khusus bersempena program Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 dengan tajuk "***Alur Air Dalam Komuniti***".

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam mengajarkan kita untuk menjaga hubungan dengan Allah *subhanahu wata'ala*, Pencipta sekalian alam, hubungan dengan sesama makhluk, bahkan alam sekitar. Hal ini selari dengan pengutusan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* sebagai pembawa rahmat kepada sekalian alam.

Allah *subhanahu wata'ala* memberikan tanggungjawab kepada kita agar menjaga hubungan baik dengan alam. Alam sekitar adalah anugerah Allah yang amat bernilai kepada kesejahteraan hidup manusia. Allah telah mencipta alam ini dengan sempurna dan seimbang untuk manfaat dan kemakmuran manusia sebagai khalifah di bumi ini.

Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, hujan sebagai sumber rezeki,

demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan yang dijadikan untuk kemudahan hidup manusia.

Hubungan dengan alam sekitar merangkumi sikap kita terhadap persekitaran termasuklah tanah, udara, flora dan fauna, termasuklah air. Air merupakan salah satu khazanah alam yang amat bernilai. Air adalah unsur yang paling penting dan amat diperlukan dalam kitaran kehidupan manusia dan keharmonian alam sekitar.

Kepentingan air terhadap kehidupan telah pun ditegaskan dalam beberapa ayat al-Quran, antaranya firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Anbiya', ayat 30:

أَوْلَمْ يَرَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنَّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ كَانَتَا رَتْقًا فَنَسَقْنَاهُمَا صَوْلَادًا وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلَّ شَيْءٍ حَيٌّ صَوْلَادًا يُؤْمِنُونَ

**Maksudnya:** *Dan tidakkah orang kafir itu memikirkan dan mempercayai bahawa sesungguhnya langit dan bumi itu pada asal mulanya bercantum (sebagai benda yang satu), lalu Kami pisahkan antara keduanya? Dan Kami jadikan dari air, tiap-tiap benda yang hidup? Maka mengapa mereka tidak mahu beriman?*

Imam Ibnu Kathir *rahimahullah* dalam tafsirnya terhadap ayat tadi menjelaskan bahawa asal setiap yang hidup adalah daripada air. Imam al-Qurtubi *rahimahullah* pula menjelaskan bahawa terdapat tiga huraiyan bagi makna ayat tersebut iaitu Allah *subhanahu wata'ala* menciptakan setiap sesuatu daripada air; air perlu untuk menjaga

kelangsungan kehidupan, dan Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan daripada air tulang sulbi segala sesuatu yang hidup.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Meskipun air meliputi 70% daripada bumi, namun 2.5% sahaja daripadanya merupakan air tawar dan hanya 1% adalah air tawar yang berada dalam bentuk yang mudah diperoleh. Oleh sebab itu, sumber air ini amat perlu dijaga kebersihannya daripada tercemar.

Sesungguhnya, Islam sendiri mengajar penganutnya agar memastikan sumber air sentiasa bersih dan suci. Air yang bersih menjadi keperluan untuk melakukan ibadat kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Islam menganjurkan kita untuk sentiasa membersihkan diri dan berwuduk dengan air yang bersih terutamanya ketika bersolat.

Dalam konteks ini, sumber utama air bersih bagi kita adalah daripada sungai. Sebagai warga Malaysia, seharusnya kita bersyukur kerana mendapat kurniaan daripada Allah *subhanahu wataala* berupa curahan lebat hujan yang tinggi dan sungai yang banyak. Mengikut laporan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, negara kita dianggarkan menerima purata hujan tahunan sekitar **3000 mm** atau **324 bilion meter padu** yang melebihi tiga kali ganda daripada curahan purata global dunia.

Begitu juga kita di Malaysia mempunyai lebih daripada 189 lembangan sungai. Sungai-sungai inilah yang menjadi sumber utama melengkapkan keperluan air bagi kehidupan seluruh rakyat di Malaysia. Begitulah Allah *subhanahu wata'ala* telah menyediakan

untuk kita suatu kuantiti air yang cukup baik dan boleh diambil secara berterusan, demi menjamin kelestarian pembangunan negara sejak bertahun-tahun lamanya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Negara kita pernah dikejutkan dengan kekurangan air bersih akibat pencemaran air dan penggunaan air yang tidak terkawal. Walaupun ekosistem air tawar mempunyai keupayaan semula jadi untuk mengganti dan mensucikan air yang tercemar, namun kadar pencemaran air yang semakin meningkat telah mengatasi keupayaan sistem semula jadi ini.

Sikap segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab yang membuang sisa buangan, bahan dan sisa perkumuhan ke dalam sungai atau tepian laut menyebabkan pencemaran sumber air menjadi lebih parah. Perlu diingatkan kerosakan alam sekitar ini adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia sebagaimana dijelaskan oleh Allah *subhanahu wata'ala* melalui firman-Nya di dalam Surah ar-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ إِمَّا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقُهُمْ بَعْضَ  
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

**Maksudnya:** *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan*

*buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Dalam usaha menjadi sebuah negara maju, kelestarian alam terutamanya sungai-sungai yang menjadi sumber air bersih kepada kita amat perlu dijaga. Di Malaysia, khususnya di Sarawak, kita amat beruntung kerana adanya agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kelestarian alam sekitar seperti Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain agensi kerajaan.

Namun, penggembangan usaha semua pihak sama ada kerajaan atau rakyat amatlah penting bagi memastikan segala usaha menjaga kelestarian alam terutamanya sumber air iaitu sungai-sungai akan berjaya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah :

**Pertama** : Sebagai khalifah Allah *subhanahu wata'ala* kita bertanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar dan ekosistemnya.

**Kedua** : Nikmat sumber air yang sedang kita miliki ini adalah suatu anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang perlu dijaga agar tidak tercemar.

**Ketiga** : Sebagai insan yang prihatin dan menghargai kebersihan, kita perlu menyokong segala aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menjaga kebersihan alam sekitar khususnya sungai-sungai.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Ibrahim, ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَاَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

**Maksudnya:** *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاؤتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسِلِّمُوا تَسْلِيمًا اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلُّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَى اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَيُّهُ بَكْرٌ وَعُمَرٌ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaifatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ . إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ . وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ . يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ . فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَدْكُرُكُمْ . وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ . وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ . وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ . أَقِيمُوا الصَّلَاةَ .